

4 November 2016

**Mohd Amin Jaili**  
am@hmetro.com.my**Seremban**

**R**emaja dan belia berpeluang menunjukkan kemahiran dalam sukan basikal lasak BMX apabila gelanggang baru menampilkan trek mencabar dibina di X-Park Bandar Sri Sendayan (BSS), dekat sini.

Trek BMX di X-Park itu dibina di kawasan seluas 12.1 hektar mempunyai dua bukit pada ketinggian 20 meter dan menjadi antara cabaran bagi aktiviti itu.

Selain itu, ia turut direntangi batu bata, kolam dan selekoh tajam dengan jarak antara satu sama lain kira-kira lapan meter.

Gelanggang dibangunkan syarikat pemaju perumahan BSS, Matrix Concepts Holding Berhad menjadikan 'Dual Start Hill' pertama di Asia kerana pembinaannya



PESERTA yang mengambil bahagian pada Kejohanan BMX Lasak Cycle Sendayan 2016.

## Trek mencabar di X-Park

■ Gelanggang baru galak aktiviti lasak golongan muda



PESERTA mahir mampu menguasai trek pelumbaan mencabar pada Kejohanan BMX Lasak Cycle Sendayan 2016 di gelanggang baru X-Park Bandar Sri Sendayan.

**FAKTA**  
Dual Start Hill yang dibina pertama di Asia mengikut piawaian antarabangsa

mengikut piawaian antara-bangsa.

Pengerusi Matrix Concepts Datuk Mohamad Haslah Mohamad Amin berkata, selain trek BMX, 18 kemudahan sukan lasak lain di X-Park turut dibina apabila sebahagiannya masih dalam fasa akhir pembinaan yang dijangka siap akhir tahun ini.

Beliau berkata, antara kemudahan termasuk padang sasaran golf, gelanggang futsal, aktiviti buggy, paintball, petting zoo, memanjat dinding berbatu, kasut beroda, memanah, gelanggang badminton, terjun (flying fox), padang skateboard dan gelanggang sukan avatar yang dibina di Asia selepas Korea.

"Pembinaan gelanggang aktiviti lasak ini bertujuan memberikan kemudahan kepada golongan muda.

"Ia bersesuaian dengan gaya hidup generasi muda yang gemar aktiviti lasak, sekali gus mampu menguji keberanian serta kebolehan mereka dalam kegiatan berkenaan.

"Malah lebih jauh daripada itu ialah menjadikan X-Park di BSS destinasi sukan lasak terkemuka di rantau ini selama dua hari nanti," katanya selepas Kejohanan Lasak Cycle

Sendayan 2016 yang berlangsung di X-Park BSS, di sini, baru-baru ini.

Kejohanan itu disertai 1,500 peserta termasuk kanak-kanak dan remaja termasuk dari Jepun, Singapura, Myanmar dan Thailand menawarkan hadiah keseluruhan RM65,000.

Hadiah disampaikan Menteri Besar Datuk Seri Mohamad Hasan. Turut hadir, Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Mat Ali Hassan dan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif syarikat itu, Datuk Lee Tian Hock.

Mohamad Haslah berkata, X-Park menjadi taman tema sukan lasak yang akan dibuka secara rasmi pada awal tahun depan.

Menurutnya, pihaknya yakin taman tema itu bakal menjadi tumpuan peserta tempatan dan luar negara khususnya dalam sukan lasak BMX pada masa depan.

"Apa yang penting kita dapat menyediakan kemudahan riadah khususnya untuk penduduk yang bertaraf antarabangsa dan saya percaya ia mampu memberikan sumbangan kepada pembangunan fizikal dan mental golongan muda," katanya.



HALANGAN berbatu dan lubang sempit antara cabaran di gelanggang baru X-Park.